



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI EKONOMI MALAYSIA PADA SUKU TAHUN KEDUA 2024

KDNK Malaysia berkembang 5.9 peratus didorong oleh pelaburan modal dan aktiviti berkaitan pelancongan

PUTRAJAYA, 16 Ogos 2024 – Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia pada suku tahun kedua 2024 mencatatkan pertumbuhan kukuh 5.9 peratus selepas merekodkan pertumbuhan 4.2 peratus pada suku tahun sebelumnya. Dari segi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, KDNK meningkat sebanyak 2.9 peratus (ST1 2024: 1.5%) pada suku tahun ini. Seajar dengan itu, prestasi ekonomi bulanan meningkat 6.2 peratus pada April, meningkat 5.9 peratus pada Mei dan bertumbuh perlahan kepada 5.6 peratus pada Jun 2024. Ini dilaporkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam keluaran **Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) bagi Suku Tahun Kedua 2024** hari ini.

Pengembangan ekonomi pada suku tahun ini didorong terutamanya oleh peningkatan ketara perbelanjaan isi rumah dan pasaran buruh yang kukuh. Peningkatan perbelanjaan penggunaan isi rumah dirangsang oleh musim perayaan dan cuti sekolah, pembayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 2 pada April 2024 serta pengeluaran Akaun 3 (Akaun Fleksibel) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Tambahan pula, Indeks Pengeluaran Perindustrian telah mengekalkan trend positif selama enam bulan berturut-turut dan terdapat pertumbuhan ketara dalam perdagangan luar pada suku tahun kedua 2024. Selain itu, faktor seperti kemasukan pelancong yang ketara, peningkatan pelaburan modal tetap, kemajuan projek berskala besar dan permintaan yang semakin meningkat bagi pusat data telah memberi kesan positif kepada ekonomi Malaysia.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Pertumbuhan ekonomi sebanyak 5.9 peratus pada suku tahun kedua 2024 didorong terutamanya oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Tambahan pula, Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar terus mendorong pertumbuhan ekonomi dari segi permintaan. Bagi separuh tahun pertama 2024, ekonomi Malaysia bertumbuh sebanyak 5.1 peratus (1H 2023: 4.1%), melebihi unjuran Kerajaan dengan pertumbuhan sebanyak 4 peratus hingga 5 peratus bagi tahun 2024".

Beliau menambah, "Dari segi prestasi sektoral, sektor **Perkhidmatan** berkembang sebanyak 5.9 peratus (ST1 2024: 4.8%) pada suku tahun kedua 2024. Prestasi yang memberangsangkan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (4.8%), Kewangan & insurans (10.1%) dan Pengangkutan & penyimpanan (10.5%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Perkhidmatan meningkat 3.3 peratus (ST1 2024: 1.3%)".

Sektor **Pembuatan** bertumbuh sebanyak 4.7 peratus (ST1 2024: 1.9%) pada suku tahun ini. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh industri berorientasikan eksport seperti Produk petroleum, kimia, getah & plastik (4.1%) dan Produk elektrik, elektronik dan optikal (3.0%). Selain itu, industri berorientasikan domestik seperti Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka serta Peralatan pengangkutan, pembuatan lain & pembaikan masing-masing meningkat 9.4 peratus dan 5.6 peratus. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor Pembuatan meningkat sebanyak 3.1 peratus (ST1 2024: 2.4%).

Sektor **Pembinaan** meningkat sebanyak 17.3 peratus (ST1 2024: 11.9%) pada suku tahun kedua 2024. Pengembangan ini didorong oleh pertumbuhan positif dalam semua subsektor, khususnya dalam Aktiviti pembinaan pertukangan khas (27.0%), Kejuruteraan awam (23.6%) dan Bangunan kediaman (14.1%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini meningkat 8.7 peratus (ST1 2024: 7.9%).

Di samping itu, sektor **Pertanian** melonjak kepada 7.2 peratus (ST1 2024: 1.7%) disokong oleh subsektor Kelapa sawit (19.0%). Namun begitu, Ternakan dan Perikanan laut menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik pada suku tahun ini. Sektor ini pulih kepada 1.6 peratus (ST1 2024: -0.7%) bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun. Sektor **Perlombongan & pengkuarian** bertumbuh pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.7 peratus (ST1 2024: 5.7%) pada suku tahun kedua 2024 dipengaruhi oleh subsektor Gas asli yang meningkat sebanyak 2.9 peratus (ST1 2024: 9.0%). Walau bagaimanapun, subsektor Minyak mentah & kondensat terus meningkat 1.6 peratus (ST1 2024: 1.3%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, sektor ini menurun 4.0 peratus (ST1 2024: -1.4%).

Mengulas lanjut, Ketua Perangkawan Malaysia menyatakan bahawa, "**Penggunaan akhir swasta** atau perbelanjaan isi rumah yang menyumbang 60.7 peratus kepada KDNK, meningkat 6.0 peratus (ST1 2024: 4.7%) disebabkan oleh penggunaan yang lebih tinggi dalam Makanan dan minuman bukan alkohol (7.2%), diikuti oleh Pengangkutan (8.9%) dan Restoran & hotel (10.5%). Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, prestasi keseluruhan Perbelanjaan penggunaan akhir swasta mencatatkan peningkatan sebanyak 4.5 peratus (ST1 2024: 1.8%)".

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) atau pelaburan dalam aset tetap merekodkan pertumbuhan dua digit 11.5 peratus (ST1 2024: 9.6%) pada suku tahun ini, tertinggi sejak suku tahun ketiga 2022. Prestasi PMTK disumbangkan oleh Struktur (12.6%) dan Jentera & peralatan (11.8%) serta Aset Lain (4.2%). PMTK mengikut sektor menunjukkan kedua-dua sektor Awam dan Swasta mencatatkan peningkatan pada suku tahun kedua 2024. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, PMTK mencatatkan peningkatan sebanyak 5.1 peratus (ST1 2024: 2.8%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat sebanyak 3.6 peratus (ST1 2024: 7.3%) diterajui oleh perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi pelarasan musim suku tahun ke suku tahun, Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan meningkat 0.2 peratus (ST1 2024: -0.7%) pada suku tahun ini.

Beliau juga menyebut bahawa, "Kedua-dua **Eksport** dan **Import** masing-masing meningkat 8.4 peratus (ST1 2024: 5.2%) dan 8.7 peratus (ST1 2024: 8.0%), berikutan permintaan global yang lebih tinggi terhadap eksport dan import barangan. Seterusnya, **Eksport bersih** pulih kepada 3.4 peratus daripada penguncupan 24.5 peratus pada suku tahun sebelumnya."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM sedang menjalankan Banci Pertanian 2024. Sila layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 OGOS 2024**


LAMPIRAN

**Carta 1: Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK),
ST1 2021 – ST2 2024 dan 1H 2019 – 1H 2024**




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 2: Pertumbuhan KDNK Tahunan, 2000 – 2023




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 3: Pertumbuhan KDNK Bulanan dan Suku Tahunan, 2021-2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 4: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, ST1 2024 & ST2 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 5: Pertumbuhan KDNK Suku Tahunan mengikut Jenis Perbelanjaan, ST1 2024 & ST2 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 6: Pertumbuhan KDNK Bulanan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, April – Jun 2024




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 7: KDNK Pelarasan Musim
(Perubahan Peratusan dari Suku Tahun Sebelumnya), ST1 2019 – ST2 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 8: Pendapatan Negara Kasar (PNK) Per Kapita, ST1 2021 – ST2 2024



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Carta 9: Perbandingan KDNK dengan Negara Terpilih

KDNK Kadar Pertumbuhan Tahunan (%)	2022	2023	2022				2023				2024	
			ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2	ST3	ST4	ST1	ST2
NEGARA ASEAN												
 Malaysia	8.9	3.6	5.1	8.9	14.4	7.4	5.5	2.8	3.1	2.9	4.2	5.9
 Singapura	3.8	1.1	4.2	4.6	4.2	2.4	0.5	0.5	1.0	2.2	3.0	2.9
 Indonesia	5.3	5.1	5.0	5.5	5.7	5.0	5.0	5.2	4.9	5.0	5.1	5.1
 Filipina	7.6	5.5	8.1	7.5	7.7	7.1	6.4	4.3	6.0	5.5	5.8	6.3
NEGARA LAIN												
 Amerika Syarikat	1.9	2.5	3.6	1.9	1.7	0.7	1.7	2.4	2.9	3.1	2.9	3.1
 Kesatuan Eropah	3.4	0.4	5.7	4.1	2.6	1.7	1.1	0.5	0.2	0.4	0.6	0.8
 Sepanyol	5.8	2.5	6.8	7.2	5.4	3.8	4.0	2.0	1.9	2.2	2.6	2.9
 Itali	4.0	0.9	6.6	5.3	2.8	1.9	2.2	0.6	0.6	0.7	0.6	0.9
 Perancis	2.6	0.9	4.7	3.7	1.4	0.8	1.0	1.3	0.9	1.3	1.5	1.1
 United Kingdom	4.3	0.1	10.8	3.5	1.9	0.6	0.3	0.2	0.2	-0.3	0.2	0.9
 Republik Rakyat China	3.0	5.2	4.8	0.4	3.9	2.9	4.5	6.3	4.9	5.2	5.3	4.7
 Republik Korea	2.7	1.4	3.5	3.0	3.4	1.1	1.1	1.0	1.4	2.1	3.3	2.3

Sumber: Laman web rasmi Agensi Statistik Negara Terpilih

Nota: % merujuk kepada perubahan tahun ke tahun